

Banjir di Pantai Timur semakin pulih

Oleh **RADHUAN HUSSAIN, AZRAN FITRI ABDUL RAHIM dan MOHD. FAIRUZ YUSOF**
pengarang@utusan.com.my

KUALA TERENGGANU 29 Dis. - Banjir di negeri ini dan Kelantan semakin pulih berikutan cuaca cerah sejak semalam dengan sebahagian besar mangsa yang dipindahkan ke pusat pemindahan telah pulang ke rumah masing-masing.

Sehingga pukul 7 malam ini, sebanyak 3,288 daripada 813 keluarga masih di tempatkan di 11 pusat pemindahan di negeri ini berbanding seramai 18,392 mangsa semalam.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir negeri berkata, banjir di daerah iaitu Besut, Setiu, Marang dan Hulu Terengganu pulih sepenuhnya dan kesemua mangsa dibenarkan pulang.

DI DUNGUN mencatatkan jumlah mangsa tertinggi iaitu 2,586 daripada 626 keluarga yang ditempatkan di tujuh pusat pemindahan di



ANGGOTA polis dan bomba mengangkat mayat yang dijumpai berhampiran Pasar Payang, Kuala Terengganu, semalam - MINGGUAN/SHAIFUDIN MOHD. NOR

daerah berkenaan termasuk di Sekolah Kebangsaan Tok Kah, Balai Raya Kampung Durian Mentangau dan Dewan Majlis Sukan Negara (MSN).

DI KEMAMAN, hanya tinggal 557

mangsa melibatkan 156 keluarga di tiga pusat pemindahan iaitu di Surau Seberang Tayor Hulu, Balai Raya Teladas dan Bangunan GDW Felda Seberang Tayor Hulu.

Jumlah mangsa banjir di daerah **KUALA TERENGGANU** pula menurun kepada 145 penduduk daripada 31 keluarga lewat petang ini.

Jurucakap itu juga menambah, jalan-jalan utama di negeri ini sudah boleh dilalui oleh semua jenis kenderaan.

Namun polis sedang mengesan waris kepada mayat seorang lelaki yang ditemui terapung di muara Sungai Terengganu berhampiran Pasar Besar Kedai Payang di sini hari ini.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negeri, Asisten Komisioner K. Manoharan berkata, waris itu dicari berdasarkan penemuan kad pengenalan mangsa beralamat di Taman Ampang Mewah, Selangor.

DI RANTAU PANJANG, tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati aktiviti harian kembali seperti biasa dengan hampir kesemua premis perniagaan kembali beroperasi seperti biasa.

Dalam pada itu, hanya tiga pusat pemindahan sahaja dibuka di se-

luruh Kelantan pada hari ini berbanding 12 pusat pemindahan pada petang semalam yang menempatkan seramai 1,847 mangsa berbanding 4,594 orang sebelum ini.

Ketiga-tiga pusat pemindahan it dalam daerah Tumpat iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Pengkalan Kubor (1) dan 2 dan SK Bunohan.

Aras air di kesemua sungai utama pula kembali normal kecuali Sungai Golok di Rantau Panjang masih melepasi paras berbahaya iaitu 9.13 meter setakat pukul 7 petang ini.

DI KUANTAN, keadaan banjir di negeri ini pulih sepenuhnya apabila pusat pemindahan di SK Galing di sini menempatkan 182 orang daripada ditutup hari ini.

Menurut Jurucakap Pusat Kawalan Operasi Bencana, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang, Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengarahkan pusat pemindahan terakhir itu ditutup pukul 9 pagi ini berikutan keadaan cuaca bertambah baik.